

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN  
TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

**MAJLIS PELANCARAN  
STESEN JANA KUASA TURBIN GAS KITARAN  
TERBUKA 90MW**

**2.00 PM | JUMAAT | 30 OGOS 2024**

**N.U.R POWER SDN BHD  
TAMAN TEKNOLOGI TINGGI KULIM, KEDAH**

Bismillahirrahmanirrahim

(Salutasi)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

## **MUKADDIMAH**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Stesen Jana Kuasa Turbin Gas Kitaran Terbuka 90MW NUR Power di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah
2. Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Wira Ir. Mohd Sidek Ahmad, Pengerusi NUR Power, Yang Berbahagia Encik Ikwon Hafiz Jamaludin, Pengarah Urusan NUR Power dan seluruh kakitangan NUR Power atas undangan untuk saya turut serta bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis ini.

## **PELABURAN DAN KHTP**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

3. Landskap pelaburan di Malaysia mula menunjukkan perubahan yang semakin positif, terutamanya dalam keadaan politik yang stabil, ringgit yang semakin

mengukuh dan sokongan dasar serta prasarana yang semakin baik.

4. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang kukuh sebanyak 5.9 peratus pada suku kedua 2024 merupakan petanda baik bagi Malaysia mencapai unjuran KDNK sekitar 4.0 hingga 5.0 peratus pada tahun ini. Perkembangan ekonomi yang disokong terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah, keadaan pasaran buruh yang positif dan suntikan pelaburan yang lebih kukuh adalah dengan keyakinan pelabur yang semakin meningkat.
5. Ini terbukti apabila Malaysia mencatatkan nilai pelaburan yang diluluskan berjumlah RM83.7 bilion merentasi pelbagai sektor bagi tempoh Januari hingga Mac 2024, iaitu peningkatan 13 peratus daripada RM74.1 bilion bagi tempoh sama tahun lepas. Analisis juga menjangkakan bahawa prestasi perdagangan Malaysia akan disokong oleh kebangkitan semula dalam kitaran teknologi global, pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dalam ekonomi utama dan potensi kenaikan harga komoditi.
6. Saya begitu teruja melihat perkembangan yang berlaku di Kulim Hi-Tech Park pada hari ini. Sebagai taman teknologi terawal di Malaysia, saya melihat langkah proaktif oleh tadbir urus KHTP dan NUR Power dalam menyediakan prasarana yang baik untuk menyokong usaha kerajaan menarik pelaburan ke negara ini.

7. Berikutan kesediaan dan kelebihan prasarana yang dimiliki di KHTP, Malaysia berjaya menarik pelaburan syarikat gergasi yang merupakan penyedia penyelesaian semikonduktor dari Jerman, Infineon Technologies AG, yang menambah pelaburan sebanyak lima bilion euro, atau RM30.1 bilion untuk Fasa ke-2 pembinaan kilang fabrikasi kuasa silikon karbida 200-milimeter. Ini menjadikan jumlah keseluruhan tujuh bilion euro atau bersamaan hampir RM40 bilion.
8. Dengan wujudnya stesen jana kuasa yang baharu ini, saya yakin KHTP akan kekal menjadi pilihan utama pelabur melalui prasarana yang bertaraf dunia, cekap tenaga dengan menawarkan tarif yang kompetitif di Semenanjung ketika ini. Ini juga terbukti apabila Kedah kekal berada di kedudukan teratas antara negeri yang menerima pelaburan tertinggi yang diluluskan bagi suku pertama tahun ini.

### **PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA NEGARA (NETR)**

9. Dalam aspek peralihan tenaga pula, saya ambil maklum akan usaha peralihan tenaga bersih yang dilaksanakan di KHTP yang boleh dijadikan teladan kepada taman teknologi perindustrian di seluruh negara. Usaha ini dilaksanakan seiring dengan aspirasi sasaran karbon sifar bersih seawal tahun 2050, selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Pelan Hala

Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR).

10. Namun, hala tuju ini akan kekal sebagai sekadar polisi jika tidak disokong oleh pemain-pemain industri, atau lebih spesifik *the energy players* seperti NUR Power. Oleh itu, saya menyambut baik perjanjian usaha sama yang telah dimeterai antara cabang industri hijau Kumpulan UEM, UEM Lestra Bhd dan NUR Power pada Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (COP28) ke-28 di Dubai pada Disember 2023 yang lalu. Syabas dan tahniah kepada UEM Lestra dan Nur Power.
11. Saya yakin, melalui perjanjian ini kita akan menyaksikan lebih banyak pelaburan baharu pada masa akan datang. Bahkan dalam landskap tenaga dunia, negara dengan ekonomi yang pesat membangun telah mula menggalakkan peralihan tenaga secara berkesan. Menurut laporan *World Economic Forum, Fostering Effective Energy Transition 2023*, China, India, Brazil dan negara jiran Indonesia merupakan antara negara-negara utama dunia yang menunjukkan lonjakan yang ketara dalam peralihan tenaga.
12. Dan kebanyakan negara telah mengalihkan tumpuan mereka kepada keselamatan tenaga dengan mengutamakan jaminan pembekalan tenaga, mengeneipkan ekuiti, dan melaksanakan peralihan yang lebih pantas dan inklusif untuk menyediakan masa depan tenaga yang lebih mampan, selamat dan saksama.

Sepuluh (10) negara teratas di dalam *Energy Transition Index*, seperti Sweden, Denmark dan Norway, menyumbang 2 peratus daripada pelepasan Karbon Dioksida (CO<sub>2</sub>) yang berkaitan tenaga, dan menyumbang 4 peratus daripada jumlah bekalan tenaga dan 2 peratus daripada populasi global.

13. Ini bermakna, dasar dan hala tuju pada masa hadapan akan berpaksikan kepada peralihan tenaga yang seimbang yang perlu diuruskan secara berkesan. Peralihan tenaga akan menjadi paksi utama dalam pelbagai sektor termasuklah Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang akan menggalakkan tenaga bersih, inovasi, dan kecekapan tenaga di samping memastikan peralihan itu memberi manfaat kepada semua segmen masyarakat.

## **PRASARANA TENAGA OLEH NUR POWER**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

14. Melalui turbin gas kitaran terbuka ini, NUR Power akan menjana kuasa sehingga 90MW, tambahan kepada keupayaan penjanaan sedia ada oleh NUR Power iaitu sebanyak 220MW bagi memenuhi permintaan elektrik KHTP yang semakin meningkat.
15. Pelaburan berskala besar dan berteknologi tinggi seperti Infineon misalnya, hanya dapat direalisasikan dengan adanya bekalan tenaga yang konsisten dan boleh

dipercayai untuk menyokong operasi mereka. Oleh itu, infrastruktur tenaga yang dibekalkan oleh NUR Power telah membolehkan operasi berjalan tanpa gangguan dan memastikan pengeluaran yang lebih cekap.

16. Syarikat multinasional juga lebih cenderung untuk mencari kawasan yang mempunyai bekalan tenaga yang stabil dan berpatutan, bagi mengurangkan risiko gangguan operasi dan kos yang berkaitan. Oleh itu, negara seperti Taiwan yang merupakan peneraju global dalam pembuatan semikonduktor, telah melabur banyak dalam infrastruktur tenaga bagi menyokong pertumbuhan industri teknologi tinggi. Bekalan kuasa yang boleh dipercayai di Taiwan dan dasar kerajaan yang menyokong telah menarik banyak syarikat multinasional untuk menubuhkan operasi di sana.
17. Saya berharap usaha yang dilakukan oleh NUR Power dan KHTP untuk menambah baik infrastruktur tenaga akan berupaya menarik pelaburan, meningkatkan daya saing dan memupuk inovasi. Kerajaan melalui Kementerian-kementerian yang berkaitan akan terus memberi sokongan dan komitmen yang penuh untuk menyokong pemain industri tempatan seperti NUR Power sebagai pemacu perubahan, untuk terus meneroka potensi dan kepakaran yang dimiliki dan membangunkan prasarana yang kondusif bagi mencapai hala tuju dan pelan Kerajaan Madani.
18. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Pengurusan

NUR Power yang telah berjaya memulakan inisiatif ini dalam waktu yang amat singkat setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Komitmen dan keupayaan NUR Power seharusnya menjadi contoh bagi pemain industri lain di dalam menjayakan kepercayaan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada pemain industri.

## **PENUTUP**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

19. Kita perlu memanfaatkan sepenuhnya dasar yang menyokong pelaburan dan membuka peluang pekerjaan baharu seperti NETR dan NIMP. Paling penting, peluang yang diterjemahkan dalam perjanjian seperti ini mesti digunakan untuk menyediakan prasarana dan kemudahan yang terbaik kepada pelaburan asing, yang akan memberi kesan domino yang positif kepada negara, baik dari aspek menggalakkan peluang pekerjaan mahupun mengembangkan Perusahaan Kecil, dan Sederhana (PKS) tempatan, yang membentuk tulang belakang ekonomi Malaysia.
20. Kerjasama kita mesti diperkukuh, kepentingan bersama kita perlu diperluas agar rakyat akan terus menikmati manfaat kestabilan yang lebih bermakna. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur dan mengucapkan selamat maju jaya kepada anda semua.

21. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Stesen Jana Kuasa Turbin Gas Kitaran Terbuka 90MW.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabakarokatuh. Terima kasih